

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN KOPERASI KONTRAKTOR  
MALAYSIA BERHAD (KKMMB) KALI KE-  
21**

**10 DISEMBER 2023 (AHAD)**  
**11.00 PAGI**  
**WTC KL**

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum W.B.T., Salam  
Sejahtera,  
Salam Malaysia Madani, Salam  
Perpaduan dan Salam koperasi,

## Salutati oleh penganjur

### **Para Hadirin Hadirat Yang Dihormati Sekalian**

1. Alhamdulillah, setinggi – tinggi rasa kesyukuran dipanjatkan kepada Allah Swt kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya pada hari ini kita semua dapat berkumpul bersama dalam

merencana agenda pengukuhan koperasi ini melalui **Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kontraktor Malaysia Berhad (KKMMB) kali ke-21**

2. Setinggi – tinggi tahniah dan syabas diucapkan warga KKMBB dalam menjayakan mesyuarat agung pada

hari ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Tuan Abd. Gapar Bin Lambak, Pengerusi KKMMB atas kesudian mejmeput saya untuk merasmikan mesyuarat ini.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada anggota KKMMB kerana meluangkan masa untuk bersama-sama hadir pada hari ini. Kehadiran

anda semua merupakan indikasi komitmen warga KKMMB dalam melihat kejayaan yang lebih besar untuk koperasi dan menyumbang lebih signifikan kepada sektor hartanah negara.

**Hadirin Hadirat Dihormati Sekalian**

4. Sebagai salah satu koperasi kontraktor di negara ini, saya melihat KKMMB memainkan peranan yang amat strategik dalam pembangunan negara. Kita menyedari bahawa sektor hartanah merupakan salah satu tiang utama ekonomi negara, dan koperasi seperti KKMMB mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menyumbang kepada kemajuan dan

kelestarian landskap ekonomi negara secara keseluruhannya.

5. Melalui penyediaan perkhidmatan kontraktor berkualiti, koperasi dapat memainkan peranan penting dalam

melaksanakan pelbagai projek pembangunan, termasuk projek projek



infrastruktur, perumahan, dan kemudahan awam.

6. Sebagai entiti yang mengamalkan prinsip koperasi, kita semua harus mempunyai kepekaan terhadap isu kos pemilikan hartanah. Koperasi kontraktor dapat membantu mengurangkan kos pembangunan melalui pemilihan bahan binaan yang efisien, pengurusan projek yang

cepat, dan penggunaan teknologi terkini. Ini, pada dasarnya akan memberi manfaat kepada kerajaan dalam menjaga keseimbangan fiskal dan memastikan keadilan dalam akses

kepada perumahan dan kemudahan asas kepada rakyat.

7. Saya berharap anggota KKMMB komited dalam meningkatkan kecekapan dan inovasi bagi menyumbang kepada sektor hartanah negara. Saya yakin KKMMB sentiasa berusaha untuk menjadi pemangkin pembangunan lestari dan berkualiti, sejajar dengan agenda pembangunan negara.

8. Koperasi kontraktor jua mungkin

boleh melihat kepada pembangunan semula projek – projek terbengkalai yang turut menjadi isu negara. Menurut Timbalan Menteri - Timbalan

Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Sehingga 30 September 2023, terdapat sebanyak

68 projek lewat, 476 projek sakit serta 111 projek telah disahkan terbengkalai. Semua projek lewat, sakit dan terbengkalai membawa Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value, GDV) sebanyak RM79.03 bilion.

9. Langkah dan penglibatan koperasi dalam usaha ini secara tidak langsung akan membantu kerajaan menangani

cabaran tersebut di samping membina kredibiliti dan kepercayaan orang ramai terhadap apa yang boleh

disumbangkan oleh gerakan koperasi dalam sektor hartanah secara keseluruhannya.

**Hadirin Hadirat Yang Dihormati**

# Sekalian

10. Barisan kepemimpinan yang mampan dalam pelbagai kepakaran mampu melahirkan koperasi yang berdaya maju. Koperasi turut perlu mempelbagaikan strategi walau dengan kewangan dan sumber dana yang terhad, agar tidak dilihat hanya mengharapkan dana dan sumber dari kerajaan sahaja.

11. Terdapat koperasi yang telah

berjaya boleh dicontohi dengan pengalaman serta komitmen mereka boleh di jadikan panduan. Koperasi juga tidak menjadikan sejarah hitam negara semasa pandemik covid 19 sebagai halangan, dalam melawan



arus ekonomi dunia yang turut menekan. Koperasi diharap dapat melahirkan idea diluar kotak agar cabaran ekonomi semasa ini dapat ditempuhi dengan jaya

12. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih atas pelawaan KKMMB atas kesudian menjemput saya pada hari ini. Semoga perhimpunan kita pada hari ini menjadi medan

percambahan minda dan

perkongsian ilmu yang berkesan demi  
masa depan kontraktor  
keseluruhannya.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,  
saya denga ini merasmikan  
**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**

# **KOPERASI KONTRAKTOR MALAYSIA BERHAD (KKMMB) KALI KE-21**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.